

36/KLIA/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

CUBAAN BOLOS GUNA TIGA MODUS OPERANDI BERBEZA DI KLIA2 GAGAL: 21 INDIVIDU DIUSIR, SEORANG DITAHAN

SEPANG, 8 Ogos 2025 – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), melalui Pasukan Pemantaunya di Terminal 2 (KLIA2), berjaya menggagalkan beberapa cubaan kemasukan dan keluar negara secara tidak sah dalam satu pemantauan rutin semalam.

Dalam operasi tersebut, seramai 21 individu warga asing telah ditolak kemasukan ke Malaysia, manakala seorang lagi ditahan bagi siasatan lanjut berkaitan pemalsuan dokumen perjalanan.

Cubaan pertama membabitkan enam (6) warga Kemboja, termasuk seorang individu yang dipercayai bertindak sebagai pembawa (carrier). Kesemua mereka saling tidak mengenali dan mendakwa datang ke Malaysia untuk mendapatkan suaka politik. Namun begitu, siasatan mendapati mereka gagal mengemukakan sebarang dokumen sokongan permohonan suaka seperti yang ditetapkan.

Sementara itu, tiga (3) warga Indonesia dikesan menyalahgunakan kemudahan *Single Entry Visa* selama 90 hari. Mereka gagal mengemukakan justifikasi kukuh mengenai tujuan kemasukan, tidak mempunyai bukti tempahan penginapan dan tidak memiliki tiket penerbangan pulang. Pemeriksaan lanjut mendapati mereka disyaki cuba memasuki negara ini untuk bekerja secara tidak sah.

Seorang warganegara China pula ditahan setelah dikesan menggunakan pasport yang mempunyai endorsmen yang mencurigakan dari Disember 2024 hingga Ogos 2025. Melalui siasatan awal, individu tersebut dipercayai memperoleh cap keluar-masuk secara tidak sah menggunakan kaedah *flying* dan menyalahgunakan dokumen perjalanan. Suspek kini ditahan untuk siasatan lanjut di bawah kesalahan pemalsuan dokumen dan percubaan keluar tanpa prosedur sah.

Selain itu, seramai 12 individu lain yang terdiri daripada tujuh (7) warga India dan lima (5) warga Pakistan turut digagalkan apabila cuba melepasi kaunter pemeriksaan imigresen tanpa pemeriksaan sah, dipercayai cuba meloloskan diri dengan menyusup bersama penumpang lain.

SIARAN MEDIA

Kesemua 21 individu terbabit telah dikenakan Notis Penolakan Masuk (NPM) dan akan dihantar pulang ke negara asal dengan segera mengikut penerbangan terawal.

Kejayaan operasi ini mencerminkan kesungguhan AKPS KLIA dalam memelihara integriti kawalan sempadan negara. AKPS menegaskan bahawa segala cubaan untuk masuk atau keluar dari Malaysia secara tidak sah tidak akan ditolak ansur, dan tindakan tegas akan terus diambil mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/u/4/folders/1wbXrBn3O_eWn26pLgaFWXaL8Canuu-3C

TAMAT

8 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI